

Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid

Penganalisis Ekonomi
Universiti Kuala Lumpur
(UnikL) Business School

Soalan (S): Adakah menaikkan OPR saja langkah boleh dilakukan BNM untuk tangani inflasi?

Jawapan (J): BNM bertanggungjawab terhadap dasar monetari negara, iaitu tindakan mengawal keseluruhan bekalan wang negara bagi tujuan mencapai pertumbuhan ekonomi. Strategi dasar monetari, termasuk menyamak kadar faedah semasa dan mengubah keperluan rizab bank.

Ini dilakukan BNM dan ia berbeza dengan Kementerian Kewangan (MOF) yang bertanggungjawab bagi dasar fiskal, yang menjadi langkah perbelanjaan kerajaan dan percukaian untuk mempengaruhi ekonomi. Kerajaan biasanya menggunakan dasar fiskal untuk menggalakkan pertumbuhan kukuh dan mampan serta mengurangkan kemiskinan. Kita perlu faham perbezaan di antara dasar monetari dengan dasar fiskal ini.

Bagi mengawal inflasi daripada terus melonjak pada waktu ini, BNM menggunakan kawalan kadar faedah untuk menaikkan kos pinjaman untuk mengurangkan perbelanjaan dan permintaan serta menawarkan kadar simpanan tinggi. Ini menyebabkan semua pihak, sama ada korporat, perniagaan dan pengguna tidak berhasrat berbelanja mahupun mengembankan perniagaan buat masa ini. Kesannya, pemulihan ekonomi dalam fasa endemik akan menjadi perlahan. Selain itu, kadar pengurangan yang turun dari puncak 5.3 peratus pada Mei 2020 kepada 3.7 peratus adalah untuk memenuhi kehendak ekonomi dibuka semula sejak Oktober tahun lalu lagi. Kadar pengurangan negara terendah ialah 3.2 peratus pada November 2019.

Terdapat pelbagai langkah lagi boleh dibuat BNM, antaranya mengadakan perdagangan dengan negara lain bukan dalam dolar AS dan membina rizab BNM dalam mata wang asing rizab, bukan sahaja dalam dolar AS, bahkan emas serta perak dan mempraktikkan bakul mata wang utama selain seperti diamalkan Singapura. Selain itu, memastikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat Malaysia supaya lebih patriotik dengan menukar daripada menerima bayaran mata wang asing kepada ringgit secara serta-merta selama beberapa bulan.

Begitu juga penstrukturan semula ekonomi Malaysia untuk jangka panjang seperti mengurangkan pekerja asing yang menjadi antara faktor penyumbang kelemahan ringgit dengan penghantaran pendapat

Kenaikan OPR kawal inflasi namun meresahkan pengguna

Minggu lalu, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.50 peratus. Ia kenaikan ketiga berturut-turut tahun ini untuk kadar penanda aras pinjaman dan simpanan sejak Mei dan Julai lalu dengan masing-masing meningkat sebanyak 25 mata asas kepada 2.25 peratus berbanding paras rekod terendah 1.75 peratus sebelumnya. Bagaimana reaksi penganalisis ekonomi dan bagaimana pula rakyat menerimanya.

Oleh Alzahrin Alias dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

tan ke negara asal, selain menggunakan produk Malaysia sahaja dalam pembuatan barang, manakala insentif cukai diberikan untuk pembelian berkenaan. Boleh juga elak import dalam dolar AS, sebaliknya guna mata wang lain seperti yen (Jepun) dan Yuan (China) serta fokus kepada industri yang boleh membawa mata wang asing dan emas ke dalam negara.

S: Langkah BNM ini menimbulkan keresahan peminjam, ada anggapan seperti minidada?

J: Sudah pasti peminjam resah kerana terkesan, terutama yang mengambil pinjaman pada kadar diapungkan. Ia sangat terasa kerana harga barangan meningkat tinggi selepas pandemik yang pasti mengurangkan kemampuan daya beli mereka. Kadar pendapatan pula tidak naik mengikut kadar inflasi, malah sebaliknya menguncup. Unit Perancang Ekonomi (EPU) melaporkan kira-kira 600,000 (20 peratus) dari isi rumah daripada M40 dikategorikan sebagai B40 ketika dua tahun pandemik melanda.

Ia juga menyebut selepas pandemik, kadar kemiskinan mutlak dan miskin tegar meningkat, daripada 5.6 peratus pada 2019 kepada 8.4 peratus

pada 2020, manakala miskin tegar daripada 0.4 kepada 1 peratus. Miskin mutlak dan miskin tegar adalah kategori pendapatan bulanan di bawah RM2,208 serta RM1,169. Adalah tidak logik untuk memaklumkan kadar kenaikan OPR memberi keuntungan lebih kepada mereka menyimpan kerana bagi B40 dan M40, simpanan wang sudah habis digunakan sewaktu pandemik, terutama yang bekerja sendiri. Selain itu, kuasa membeli mereka pada tahun ini juga berkurangan dengan kenaikan harga barang dalam usaha mengekalkan cara hidup seperti pada 2019.

Malah, individu yang dalam proses membeli kenderaan atau rumah baharu, terpaksa mengira semula kedudukan kewangan mereka, apakah baloi untuk meneruskan hasrat itu atau tidak. Apatah lagi bagi yang amat memerlukan membuat pinjaman baharu, kenaikan kadar faedah membebaskan mereka. Di sini, BNM diberi mandat untuk dasar monetari negara dan kerajaan melalui Kementerian Kewangan pula, menerusi dasar fiskal harus menyeimbangkan dengan mengeluarkan perbelanjaan untuk membantu rakyat. BNM ditugaskan untuk melindungi sistem kewangan

negara.

S: Ada cadangan kerajaan laksanakan semula tambatan ringgit?

J: Tambatan ringgit tidak sesuai untuk waktu ini kerana untuk mempertahankannya pada kadar tambatan, ia menelan perbelanjaan besar oleh BNM, iaitu membeli mata wang asing dalam usaha mengelakkan mata wang ringgit dijual di pasaran. Ia berbeza masa krisis kewangan pada 1997 apabila pelbagai mata wang, termasuk Malaysia merosot teruk berbanding dolar AS. Krisis itu disebabkan manipulasi pemain mata wang menjatuhkan negara lain bagi mendapatkan keuntungan, jadi ia ada had apabila mencecah nilai disasarkan.

Kini ia berbeza, dolar AS naik kerana kerajaannya menaikkan kadar faedah bagi menyejukkan kadar inflasi tinggi dalam beberapa dekad. Malah, tidak nampak setakat ini kenaikan dari kadar 0 peratus dari Mac 2020 dan kini 2.5 peratus dan dinaikkan lagi September ini kerana kadar inflasi terus memuncak lebih 8 peratus dan jauh dari sasaran Fed AS, iaitu 2 peratus. Jangkaan kadar faedah akan diteruskan lagi oleh AS hingga sasaran dimahukan tercapai, biarpun membawa kemeseletan

ekonomi AS dan dunia tahun depan.

BNM dengan rizab AS\$110 bilion (RM499 bilion), iaitu kurang satu pertiga Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menghadapi cabaran besar untuk mempertahankan tambatan jika pendekatan itu dilaksanakan. Ini kerana AS jelas akan terus melaksanakan dasar monetarinya untuk satu tempoh lama dan ia boleh mengheret banyak ekonomi negara membangun ke arah bermasalah.

S: Berapa lama BNM boleh laksana kaedah naikan OPR untuk kawal inflasi, kejatuhan ringgit?

J: Walaupun BNM menyasarkan untuk cuba mengembalikan OPR hingga 3 peratus seperti pada 2019, iaitu kadar asal OPR sebelum pandemik bermula, ia juga bergantung kepada tindakan AS yang mungkin berterusan menaikkan kadar faedahnya dan langsung meningkatkan nilai mata wang dolar. Tindakan AS adalah dalam langkah mengawal kadar inflasi menurun dan belum nampak surutnya berikutan kenaikan harga barang selepas pandemik dan juga krisis geopolitik Russia-Ukraine serta China-Taiwan.

Setakat ini, tindakan kenaikan OPR oleh BNM sebanyak tiga kali pada tahun ini tetap juga tidak dapat mengelakkan mata wang ringgit terus menurun nilainya, tetapi apakah sekiranya BNM tidak menaikkan kadar OPR, nilai mata wang ringgit turun lebih rendah dari sekarang? Sekiranya itu berlaku, langkah BNM berjaya mengurangkan kejatuhan ringgit. Pasaran modal seperti bursa juga mungkin lebih menyusut dari sekarang.

S: Apa impak jangka panjang kepada peminjam jika kadar OPR terus meningkat?

Lihat Muka 13

Walaupun BNM menyasarkan untuk cuba mengembalikan OPR hingga 3 peratus seperti pada 2019, iaitu kadar asal OPR sebelum pandemik bermula, ia juga bergantung kepada tindakan AS yang mungkin berterusan menaikkan kadar faedahnya dan langsung meningkatkan nilai mata wang dolar

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis Ekonomi
Universiti Kuala Lumpur (UnikL)

